

17 DEC 1999

PBTM-Perpaduan

PBTM HARAP KOMPONEN BN KEKALKAN SIKAP SETIAKAWAN

KOTA BAHARU, 17 Dis (Bernama) -- Persatuan Bekas Tentera Malaysia (PBTM) berharap komponen Barisan Nasional (BN) mengekalkan semangat setiakawan.

Presidennya Datuk Muhamad bin Ghani berkata mereka perlu berbincang bagi mengelakkan salah sangka sesama sendiri.

"Kita perlu memikirkan generasi akan datang, sentiasa mengikuti arahan dan patuh kepada pucuk pimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad," katanya ketika ditemui pemberita selepas menyampaikan bantuan kepada anggota keluarga Persatuan Bekas Tentera Malaysia di sini, hari ini.

Mohamad berkata demikian sebagai mengulas tindakan MCA meminta jawatan Timbalan Ketua Menteri kedua Pulau Pinang dan tambahan anggota Exco berikutan parti itu menang 100 peratus kerusi yang ditandinginya pada pilihan raya umum lepas, di negeri itu.

Menurutnya sikap demikian bukan sahaja merugikan kerajaan dan parti tetapi memberi peluang kepada pembangkang mengambil kesempatan.

Katanya MCA sepatutnya berbincang sesama parti komponen BN sebelum membuat sesuatu keputusan agar tidak merugikan kerajaan dan rakyat.

"Kalau berterusan ianya menjurus kepada perpecahan, Gerakan bertanding MCA tidak sokong dan MCA bertanding Gerakan tidak sokong maka yang rugi ialah BN," katanya.

Sebelum itu, beliau menyampaikan sumbangan peribadi kepada 160 balu dan anak-anak bekas tentera Bahagian Kelantan, untuk keperluan berpuasa dan hari raya.

Sumbangan juga disampaikan kepada 20 pelajar anak-anak bekas tentera yang layak ke Institusi Pengajian Tinggi, sumbangan tahunan PBTM dan Perhebat.

-- BERNAMA

MNR RI